

Tanaman pasu dedaun untuk hiasan dalaman

(Potted foliage plants for interior decoration)

Hanim Ahmad, Nazera Arbain dan Rosniza Kassim

Pengenalan

Tanaman hiasan dalaman ialah tanaman yang biasanya digunakan untuk menghiasi ruang di dalam bangunan seperti di sudut bilik atau ruang di dalam pejabat mahupun rumah kediaman. Kebanyakan spesies tanaman hiasan dalaman mempunyai bentuk dan warna daun yang menarik. Tanaman jenis berbunga kurang sesuai digunakan disebabkan kurang sesuai dengan persekitaran pertumbuhan. Namun begitu, tanaman hiasan dedaun yang mengeluarkan struktur menyerupai bunga ('spadix') seperti *Spathiphyllum* kerap kali digunakan bagi mendapatkan kesan bunga untuk hiasan dalaman.

Penggunaan tanaman hiasan dalaman mempunyai beberapa kelebihan yang tersendiri. Tanaman hiasan dalaman dapat memberi kesan sejuk dan nyaman, meningkatkan nilai estetika dan menambah seri ruang serta keceriaan sesuatu bangunan. Selain itu, tanaman hiasan dalaman juga dapat menyerap gas toksik yang terdapat di ruang bilik dan meningkatkan produktiviti pekerja.

Untuk menambah kepelbagaian pilihan tanaman hiasan dalaman, penyelidikan terhadap keupayaan tanaman untuk tumbuh dan beradaptasi di dalam ruang pejabat telah dilaksanakan. Kajian yang telah dijalankan di MARDI, Serdang menunjukkan terdapat beberapa spesies tanaman pasuan jenis dedaun yang sesuai digunakan sebagai tanaman hiasan di ruang pejabat yang berhawa dingin, mempunyai suhu sekitar 24 – 28°C pada waktu siang, menerima pancaran cahaya lampu kalimantang dan gelap pada waktu malam.

Pemilihan spesies tanaman dedaun

Kebanyakan tanaman hiasan jenis dedaun mempunyai pelbagai warna dan bentuk daun. Beberapa spesies tanaman hiasan jenis dedaun yang sesuai digunakan untuk hiasan dalaman dan ciri-cirinya ditunjukkan seperti dalam *Jadual 1*.

Spesies tanaman seperti *Anthurium* (*Gambar 1*), *Nephrolepis* (*Gambar 2*), *Philodendron* (*Gambar 3*), *Sansevieria* (*Gambar 4*) dan *Syngonium* (*Gambar 5*) sesuai digunakan sebagai tanaman pasu dedaun untuk hiasan di dalam bangunan bagi tempoh yang agak lama, iaitu melebihi 90 hari. Terdapat juga spesies tanaman yang tidak tahan lama apabila diletak di dalam bangunan, seperti *Alocasia sandariana*.

Jadual 1. Ciri-ciri beberapa spesies tanaman dedaun yang sesuai dijadikan hiasan dalaman

Spesies	Tinggi pokok (cm)	Warna daun	Jumlah keluasan daun/pokok (cm ²)	Purata kandungan klorofil (SPAD)	Ketahanan tanaman (hari)*
<i>Alocasia sandariana</i>	39.1	Hijau tua	217.3	69.7	< 30
<i>Amischotolype griffithii</i>	34.0	Hijau keunguan	698.6	49.1	< 60
<i>Asplenium nidus</i>	18.0	Hijau muda	1297.0	38.9	< 60
<i>Selaginella canaliculata</i>	14.3	Hijau	164.9	21.2	< 60
<i>Caladium sp.</i>	18.0	Kemerahan	151.4	18.1	≈ 60
<i>Alocasia reginula</i>	30.0	Hijau tua	276.8	65.4	< 90
<i>Begonia ignorata</i>	12.3	Hijau muda	808.3	32.4	< 90
<i>Ctenanthe lubbersiana</i>	34.8	Hijau muda	1713.0	45.1	< 90
<i>Nephrolepis biserrata</i>	17.1	Hijau muda	1242.2	22.7	< 90
<i>Nephrolepis exalata</i>	18.6	Hijau muda	1556.6	30.8	< 90
<i>Schismatoglottis calyptrata</i>	32.1	Hijau kekuningan	963.0	32.3	< 90
<i>Spathiphyllum sp.</i>	34.0	Hijau	1496.4	55.4	< 90
<i>Anthurium sp.</i>	45.5	Hijau	974.2	77.5	> 90
<i>Nephrolepis exaltata</i>	18.6	Hijau muda	552.1	13.3	> 90
<i>Philodendron sp.</i>	44.4	Hijau	1185.8	48.7	> 90
<i>Sansevieria trifasciata</i>	21.5	Hijau, kuning	584.6	68.4	> 90
<i>Syngonium podophyllum</i>	22.6	Hijau kekuningan	728.4	23.4	> 90

*Tempoh ketahanan bagi setiap spesies tanaman direkod sebaik sahaja ia diletak di dalam bangunan pejabat berhawa dingin sehinggalah mencapai 5 – 10% bahagian dedaun rosak, kering atau keperangan



Gambar 1. Pokok *Anthurium* mempunyai daun berbentuk hati yang menarik



Gambar 2. Pokok *Nephrolepis*



Gambar 3. Pokok *Philodendron*



Gambar 4. Pokok *Sansevieria*



Gambar 5. Pokok *Syngonium* mempunyai daun berbentuk cuping yang cantik digunakan sebagai tanaman hiasan dalaman

Keperluan tanaman

Kebanyakan tanaman hiasan dalaman memerlukan naungan sekurang-kurangnya 50% teduhan cahaya matahari untuk tumbuh subur di nurseri sebelum diletak di dalam bangunan. Untuk pokok hiasan dalaman yang telah diletak di dalam bangunan, pokok hendaklah disiram secukupnya iaitu 2 – 3 hari sekali. Pelapik pasu perlu diletak di bahagian dasar pokok berpasu bagi mengelakkan limpahan air ketika penyiraman dilakukan.

Ketahanan tanaman hiasan untuk hidup di dalam bangunan berbeza-beza mengikut spesies yang digunakan. Sesetengah spesies tanaman dapat bertahan melebihi 90 hari, manakala terdapat beberapa spesies yang hanya dapat bertahan kurang daripada 30 hari seperti *Alocasia sandieriana* apabila diletak di dalam bangunan. Selepas tempoh tersebut, biasanya tanaman hiasan dalaman akan mengalami kemerosotan dari segi nilai estetikanya. Untuk mengatasi masalah ini, tanaman hiasan dalaman perlu didedahkan dan dipulihkan di nurseri yang bernaung mengikut aplikasi pengurusan tanaman yang standard.

Pengurusan tanaman

Tanaman hiasan dalaman memerlukan penjagaan yang minimum selepas diletak di dalam bangunan. Umumnya, tanaman perlu disiram secukupnya bagi menjadikan ia hidup tahan lama di dalam bangunan. Selain itu, dedaun yang kering perlu dipangkas bagi mengekalkan kecantikannya. Apabila tanaman kelihatan kurang menarik, penggantian dengan tanaman pasu dedaun yang baharu adalah disyorkan.

Pada amnya, tiada serangan penyakit yang serius pada pokok hiasan yang diletak di dalam bangunan. Sebagai langkah untuk melindungi pokok daripada serangan penyakit, pokok hiasan dalaman perlu diperiksa setiap masa dan kebersihan ruang untuk meletak tanaman hiasan perlu dijaga.

Kesimpulan

Tanaman pasu dedaun merupakan salah satu tanaman yang sesuai dijadikan pilihan dalam mereka bentuk landskap di dalam bangunan. Melalui pengurusan yang sempurna, tanaman pasu dedaun mampu beradaptasi, hidup dengan baik dan menjadi tanaman hiasan dalaman berkualiti walaupun berada di dalam bangunan. Tahap ketahanan tanaman hiasan hidup di dalam bangunan berbeza-beza mengikut spesies yang digunakan. Sesetengah spesies seperti *Syngonium*, *Anthurium*, *Philodendron*, *Nephtrolepis* dan *Sansevieria* mampu bertahan di dalam bangunan melebihi 90 hari manakala sesetengahnya hanya bertahan kurang daripada 30 hari seperti *Alocasia sanderiana*. Selepas tempoh tersebut, biasanya tanaman hiasan dalaman akan mengalami kemerosotan dari segi nilai estetikanya.

Penghargaan

Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Mohd. Mokhlas Mohd. Som, En. Zainal Mohd Ali dan En. Muhammad Aliff Fitri Azali yang telah membantu dalam kerja-kerja pembiakan dan penyediaan bahan tanaman.

Bibliografi

- Dong, S.Y., Svoboda, V., Ki-Cheol, S. dan Stanley, J.K. (2009). Screening indoor plants for volatile organic pollutant removal efficiency. *HortScience*. 44(5): 1377 – 1381
- Henley, R.W. dan Robinson, C.A. (1994). Evaluation of twenty-one potted anthurium cultivars grown for interior use. *Proc. Fla. State Hort. Soc.* 107: 179 – 181
- Ismail, S. (1993). *Bunga-bunga Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rukayah, A. (1995). *Tanaman hiasan ruangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ringkasan

Tanaman pasu dedaun yang terdiri daripada pelbagai spesies hiasan berdaun cantik telah dikenal pasti sesuai digunakan untuk menghiasi ruang di dalam bangunan. Kebanyakan spesies tanaman pasu dedaun mempunyai bentuk dan warna daun yang menarik serta dapat bertahan hidup di dalam persekitaran bangunan. Tanaman hiasan yang diletak di dalam bangunan dapat meningkatkan nilai estetika dan kualiti udara persekitarannya. Untuk memperoleh tanaman yang sihat dan kelihatan menarik, tanaman perlu disiram secukupnya dengan dedaun yang telah tua dipangkas. Tanaman pasu yang kelihatan kurang menarik hendaklah dipulihkan di nurseri dan diganti semula dengan tanaman yang baharu.

Summary

Foliage potted plants which consist of various species of beautiful leafy ornamental have been identified as suitable for use as interior decoration. Most of these species have attractive shapes and colours and can also survive the indoor environment. These indoor ornamental plants can improve the aesthetical value and air quality of the surrounding. To obtain healthy and attractive plants, the plants should be adequately watered and the senescence foliage trimmed. The less attractive plants should be recovered in the nursery and replaced with new ones.

Pengarang

Hanim Ahmad

Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI, Serdang,

Peti Surat 12301, 50774 Kuala Lumpur

E-mel: hanim@mardi.gov.my

Nazera Arbain dan Rosniza Kassim

Pusat Penyelidikan Hortikultur, Ibu Pejabat MARDI, Serdang,

Peti Surat 12301, 50774 Kuala Lumpur